

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) anggaran jumlah nilai industri ceti haram/ 'Ah long' setahun dan jumlah ahli sindiket ceti haram atau 'Ah Long' telah ditangkap dari 1 Januari 2010 sehingga 31 Mei 2020 dan jumlah pinjamannya; dan

(b) jumlah 'bos' atau ketua sindiket ceti haram telah ditangkap dalam tempoh masa yang sama dan jumlah nilai harta 'bos' atau ketua ceti haram yang telah disita atau rampas .

**JAWAPAN**

Berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Mei 2020, sebanyak 7,723 Kertas Siasatan yang melibatkan ceti haram atau Ah Long telah dibuka dan membawa kepada tangkapan seramai 5,305 orang. Secara puratanya anggaran nilai industri ceti haram ini berjumlah RM28,039,104 setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kategori orang yang ditangkap adalah termasuk semua orang yang terlibat dalam kegiatan ini tidak kira peringkat atau kedudukannya dalam sindiket.